

# MRT Corp umum



## 4 pemenang tender

*Melibatkan pembinaan, menyiapkan landasan MRT*

**MASS** Rapid Transit Corporation (MRT Corp) mengumumkan empat pemenang pakej baru pembinaan laluan Sg Buloh – Kajang (SBK) untuk projek My Rapid Transit (MRT).

Pakej itu bagi Viaduct 1 (V1), Viaduct 4 (V4), Viaduct 7 (V7) dan Depot 1 (DPT1), bernilai RM3.22 bilion.

Pakej viaduct melibatkan pembinaan dan menyiapkan landasan MRT dan kerja berkaitan, sementara pakej depot 1 adalah pembinaan Depot Sg Buloh dan bangunan.

Pakej V1, pakej khusus Bumiputra, melibatkan kerja-kerja antara Sg Buloh dan Kota Damansara, dimenangi



**AZHAR**

Syarikat Muhibbah Perniagaan & Pembinaan Sdn Bhd.

Pakej V4, kerja-kerja antara Seksyen 17 Petaling Jaya dan Portal Semantan dimenangi, Sunway Construction Sdn Bhd.

Portal Semantan adalah lokasi laluan SBK memasuki terowong bawah tanah.

Pakej V7 (khusus Bumiputra) bagi kerja-kerja di antara Bandar Tun Hussein Onn dan Taman Mesra, kedua-duanya di Cheras dimenangi MTD Construction Sdn Bhd.

Pakej terakhir, DPT1 bagi kerja-kerja pembinaan Depot Sg Buloh Depot dimenangi syarikat Bumiputra, Trans Resources Corporation Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, beliau berpuas hati dengan pemberian tender itu selepas diputus-

kan mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSPC) buat kali ketiga dipengerusikan Perdana Menteri.

“Setelah pengumuman pakej Viaduct 5 dan Viaduct 6 pada Januari dan pakej bawah tanah Mac lalu, pengumuman pakej baru ini meneruskan kemajuan projek laluan SBK ini.

“Saya mengucapkan tahniah kepada syarikat berjaya, dan mengambil peluang mengingatkan betapa pentingnya projek ini bukan sahaja kepada Bandaraya Kuala Lumpur malah kepada Malaysia amnya,” katanya.

MRT Corp dijangka mengumumkan pemenang pakej seterusnya Jun depan.